

# Seramai 109 Warga Pendidikan WP Labuan Menerima Surat Kenaikan Pangkat



**7 Februari 2017** – Seramai 109 warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan telah menerima Surat Kenaikan Pangkat yang telah disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin bertempat di dewan SJK(C) Chi Wen.

Beliau menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua warga pendidikan yang sentiasa bersungguh-sungguh tanpa mengira samada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan maupun Pegawai Kumpulan Pelaksana, sama-sama menjadi pemangkin kejayaan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dikenali umum sebagai Guru, adalah insan yang paling dekat dengan murid. Insan yang sebenarnya penyumbang utama dalam mendidik dan membangunkan manusia sebagai modal insan yang berjaya dari pelbagai aspek, samada inteleknya,

jasmaninya, rohaninya, sahsiahnya maupun emosinya.

Para Pegawai Kumpulan Pelaksana pula adalah pendokong utama dalam memastikan pelaksanaan semua operasi pendidikan berjalan lancar. Samada sebagai Pemandu atau Kerani maupun Pembantu Operasi. Masing-masing mempunyai peranan yang penting dalam kejayaan pengoperasian pengurusan organisasi bagi Jabatan Pendidikan WP Labuan dan sekolah.

*“Saya menyeru semua penerima surat kenaikan pangkat hari ini dan semua hadirin yang bersama dalam majlis yang bermakna ini, supaya sentiasa menyedari tanggungjawab kita semua untuk memastikan kita menyumbang kepada faedah anak-anak kita khasnya dan generasi penerus yang dididik di WP Labuan. Kita semua accountable untuk bersama dalam memberi perhatian, kasih sayang dan bertanggungjawab dalam mencorakkan masa depan generasi Anak Malaysia yang lebih bermakna”,  
Encik Raisin Saidin.*

